



SIALANG

Sialang (*Koompassia excelsa* (Becc.) Taub, iaitu daripada famili *Leguminosae*), sejenis pokok hutan yang besar dan antara yang tertinggi di Malaysia. Nama lain bagi pokok ini ialah Tualang. Pokok ini boleh mencapai ketinggian hingga melebihi 85 meter (m). Batangnya berukuran antara 1m hingga 2.5m diameter, berbanir tinggi dan berwarna kelabu kekuningan, berdahan banyak sehingga membentuk kubah dan kadang-kadang terdapat subsilara yang juga berbentuk kubah.

Daun pokok ini berwarna hijau dan biasanya luruh setahun sekali. Pokok ini mempunyai getah yang berbisa yang boleh menyebabkan kulit gatal-gatal dan bengkak-bengkak. Pokok ini juga amat keras kayunya tetapi dahannya rapuh dan kadang-kadang sekah dengan sendiri.

Menurut kepercayaan orang Melayu, pokok ini ada penunggu. Oleh sebab itu, pokok ini jarang-jarang ditebang. Sesiapa yang menebangnya kerap ditimpa oleh kecelakaan seperti badan bengkak dan kadang-kadang boleh membawa maut. Ada cerita kononnya seorang Cina yang menebang pokok ini dengan tidak sengaja, muka dan badannya menjadi bengkak. Orang juga tidak berani berteduh di bawah pokok ini kerana takut ditimpa oleh dahan yang tidak semena-mena sekah.

Nama dua buah kampung di Perak, iaitu Kampung Tualang Sekah dan Tanjung Tualang dikaitkan dengan cerita ini. Kononnya terdapat sebatang pokok yang terlalu besar dan tinggi dan penduduk kampung ini sering nampak buaian anak penunggu pokok ini pada dahan-dahannya. Satu daripada dahan pokok ini sekah dan dahan ini berterbangan jauh hingga ke satu tanjung. Tanjung tersebut kini dipanggil Tanjung Tualang dan kampung itu pula dinamakan Kampung Tualang Sekah.

Dari segi ekonomi tradisi pula, pokok sialang menjadi tempat lebah bersarang dan orang Melayu sering mengambil madu lebah di situ. Orang yang boleh mengambil madu lebah ini hanyalah orang yang menuntut mantera atau jampi yang dapat menawan penunggu atau hantu. Biasanya mantera atau jampi ini diturunkan kepada orang tertentu sahaja. Amalan mengambil madu lebah berterusan hingga kini. Ini merupakan satu aktiviti ekonomi tradisi orang Melayu dalam menjalankan perusahaan madu lebah seperti yang dilakukan oleh Si Alang atau Tuk Alang sehingga nama pokok ini dipanggil pokok sialang, pokok tuk alang atau pokok tualang. **ds**

Rencana ini ialah petikan daripada *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.